

Sultan Perak ketuai penerima pingat

» Anugerah sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor



Raja Mohamed Affandi



Shamsul Azhar Abbas



Ismee Ismail



Mohamad Lotfy

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Shah Alam

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Ahli Dewan Diraja Selangor, Tengku Abd Samad Shah Alhaj, menerima anugerah tertinggi Selangor, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK) sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ke-69, hari ini.

Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas, pula menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Darjah Kebesaran Datuk Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) yang membawa gelaran Datuk Setia, dianugerahkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail.

11 individu terima DPMS

Seramai 11 individu menerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.

Mendahului senarai itu ialah EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Iskandar Abdul Samad; EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dr Ahmad Yunus Hairi dan Duta Malaysia ke London, Datuk Ahmad Rasidi Hazizi.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Luar Negeri, Datuk Rustam Yahya; Panglima Latihan dan Doktrin Tentera Darat, Datuk Suhaimi Mohd Zuki dan Panglima Armada merangkap Panglima Bantuan, Markas Pemerintahan Armada Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Datuk Mohamad Roslan Mohd Ramli dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Markas Tentera Darat, Datuk Shahrani Mohd Sany.

Penerima lain ialah Pengarah Urusan NRY Architects Sdn Bhd,

Datuk Mohamed Nazim Abdul Razak; Profesor, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohd Azmi Mohd Lila; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaharin Mohd Saad dan Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Abdul Ghani Hashim, juga antara penerima DPMS.

Bawa gelaran Datuk, Datin Paduka

Seramai 13 individu menerima Darjah Kebesaran Datuk - Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.

Mereka ialah Eksekutif Kanan Public Bank Berhad, Tengku Iskandar Shah Tengku Ismail Shah Alhaj; Ketua Pengarah Jabatan Arah Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Brig Jen Nazri Abu Bakar dan Panglima Markas 5 Briged Kem Lok Kawi, Sabah, Jalaluddin Manan.

Turut menerima anugerah sempena hari keputeraan adalah Pengarah Jabatan Penjara Su-



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

ngai Buloh, C Narander Singh; Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, Mohamad Dalib; Pengasas merangkap Pengerusi Eksekutif Kumpulan Burnsfield International Group, Tan Sri Dr Gan Thian Leong dan Pengarah Urusan merangkap CEO KWASA Land Sdn Bhd, Mohamad Lotfy Mohamad Noh.

Pengerusi Kumpulan Perancangan Selangor Berhad, Raja Idris Raja Kamarudin; pelukis, Datuk Mohammad Nor Khalid; Pakar Perubatan Kanak-kanak Ramsay Sime Darby Medical Centre, Dr Lee Eng Lam; Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Dr Dahlia Rosly; Pengarah Audit Jabatan Audit Negara, Ong Swee Leng dan Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri Besar Selangor, Mohamad Yasid Bidin, juga adalah antara penerima DSIS.

Seramai 14 orang menerima

Darjah Kebesaran - Setia Mahkota Selangor (SMS), antaranya Timbalan Presiden *The Malaysia-America Foundation*, Syed Haizam Hishamuddin Putra Jamalullail dan Pengarah APEX Group of Companies, Tengku Datuk Yusof Tengku Zainal Karib Shah.

Seramai 14 penerima turut menerima Anugerah Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS), antaranya Timbalan Pengarah (Perancangan Strategik) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, SAC Chong Mun Phing dan Profesor dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Mohd Salman @ Leong Yew Mun.

Sempena hari keputeraan tahun ini juga, seramai 20 dianugerah Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS), 18 menerima Darjah Kebesaran Ahli - Sultan Sharafuddin Idris Shah (AIS) dan tujuh lagi menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang (BPC).